



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

GARIS PANDUAN
PENGANUGERAHAN IJAZAH SECARA
ANUMERTA DAN AEGROTAT
EDISI KEDUA

Garis Panduan Anumerta dan Aegrotat Edisi Kedua (Pindaan Edisi Pertama) diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Kelantan pada 18 Julai 2018

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	TUJUAN PENGANUGERAHAN	1
3.0	SYARAT PENGANUGERAHAN	1-2
4.0	FORMAT PENULISAN DI DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK	2
5.0	PENGANUGERAHAN	2
6.0	STATUS IJAZAH	2
7.0	PROSEDUR PELAKSANAAN	2-3
	GLOSARI	4
	LAMPIRAN	
	Lampiran I Format Penulisan Di Dalam Sijil dan Transkrip Akademik	5-6
	Lampiran II Prosedur Operasi Standard (SOP)	7-8

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta dan *Aegrotat* ini menjelaskan Tujuan Penganugerahan, Syarat Penganugerahan, Format Ijazah yang akan digunapakai di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Prosedur Pelaksanaan.
- 1.2 Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta dan *Aegrotat* ini bertujuan untuk membantu Pusat Akademik dan Mesyuarat Senat UMK menimbangkan penganugerahan seperti berikut:
 - 1.2.1 Kelulusan memenuhi syarat kelayakan penganugerahan Ijazah secara Anumerta bagi pelajar UMK yang meninggal dunia semasa di dalam pengajian.
 - 1.2.2 Kelulusan memenuhi syarat kelayakan penganugerahan Ijazah secara *Aegrotat* bagi pelajar UMK yang hilang upaya kekal semasa di dalam pengajian.

2.0 TUJUAN PENGANUGERAHAN

- 2.1 Penganugerahan ini diberikan kepada simati atau pelajar yang layak dan mendapat kelulusan Mesyuarat Senat UMK sebagai tanda penghargaan, tetapi tidak akan dikira dalam statistik graduan.

3.0 SYARAT PENGANUGERAHAN

- 3.1 Bagi melayakkan seseorang calon penerima Ijazah secara Anumerta dan *Aegrotat*, Pusat Akademik hendaklah menyediakan butiran supaya Mesyuarat Senat UMK dapat menentukan bahawa calon:
 - 3.1.1 Telah mendapat sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah kredit bergraduasi bagi program pengajian yang diikuti untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran Secara Kerja Kursus; atau
 - 3.1.2 Telah menyiapkan dan menyerahkan tesis kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk tujuan untuk dianugerahkan program Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah dan Kedoktoran secara mod Penyelidikan, Kerja Kursus atau Campuran;
 - 3.1.3 Mendapat Kedudukan Baik (KB) bagi program pengajian prasiswazah atau Lulus bagi program pengajian pascasiswazah pada semester terakhir pengajian; dan

3.1.4 Tidak terlibat dengan aktiviti menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal.

3.2 Bagi calon yang tidak memenuhi kriteria di atas, permohonan boleh dipertimbangkan dengan kelulusan khas Mesyuarat Senat UMK.

4.0 FORMAT PENULISAN DI DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

4.1 Format sijil dan transkrip akademik penerima anugerah Ijazah secara *Aegrotat* dan Anumerta adalah seperti graduan biasa tetapi dengan catatan "Anumerta" atau "*Aegrotat*" (rujuk **Lampiran I**).

4.2 Transkrip akademik mencatatkan rekod keputusan pengajian pelajar sehingga tarikh kematian atau hilang upaya kekal.

5.0 PENGANUGERAHAN

5.1 Penganugerahan boleh dilakukan di dalam Istiadat Konvokesyen UMK di mana waris atau pelajar menerima penganugerahan di atas pentas atau di dalam suatu majlis atau perjumpaan tertutup atau diposkan atau mengikut permintaan yang munasabah daripada waris atau pelajar.

6.0 STATUS IJAZAH

6.1 Sijil dan transkrip akademik yang diterima oleh wakil atau penerima tidak sah digunakan untuk tujuan pekerjaan, melanjutkan pengajian dan sebagainya.

7.0 PROSEDUR PELAKSANAAN

7.1 Pusat Akademik membuat semakan terhadap calon penerima anugerah Ijazah secara Anumerta atau *Aegrotat* iaitu simati atau pelajar yang hilang upaya kekal sama ada layak atau tidak layak menerima penganugerahan.

7.2 Pusat Akademik mengemukakan permohonan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan untuk perakuan. Bukti sijil kematian (bagi kes pelajar meninggal dunia) atau surat pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan yang mengesahkan pelajar hilang keupayaan kekal dan tidak mampu meneruskan pengajian perlu dilampirkan.

7.3 Jika diperakukan, Pusat Akademik membentangkan kertas kerja kepada Mesyuarat Senat UMK untuk kelulusan penganugerahan.

- 7.4 Jika diluluskan oleh Mesyuarat Senat UMK, Pusat Akademik akan memaklumkan kepada waris atau pelajar tentang penawaran penganugerahan.
- 7.5 Jika waris atau pelajar bersetuju dengan penawaran anugerah ini, persiapan penganugerahan perlu dilakukan berdasarkan perenggan 5.1.

Prosedur Operasi Standard adalah seperti di **Lampiran II**.

GLOSARI

Aegrotat

Penganugerahan Ijazah kepada seseorang pelajar yang tidak berjaya menamatkan pengajian kerana hilang upaya kekal tertakluk kepada syarat-syarat di dalam garis panduan ini.

Anumerta

Penganugerahan Ijazah kepada seseorang pelajar yang tidak berjaya menamatkan pengajian kerana meninggal dunia tertakluk kepada syarat-syarat di dalam garis panduan ini.

Hilang upaya kekal

Pelajar kehilangan daya untuk meneruskan pengajian secara kekal walaupun dengan bantuan tertentu yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Ijazah

Kelayakan akademik yang dianugerahkan oleh Senat UMK setelah pelajar memenuhi syarat penganugerahan sesuatu program pengajian.

Kredit

Jumlah jam yang diperlukan oleh seseorang pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran kursus.

Kredit bergraduasi

Jumlah kredit minimum yang ditetapkan oleh fakulti dan diluluskan Senat UMK untuk berjaya menamatkan sesuatu program.

Pelajar

Seseorang yang berdaftar untuk mengikuti sesuatu program dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Pusat Akademik

Fakulti, pusat atau entiti akademik yang menawarkan program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah

Syarat pengijazahan

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Senat UMK yang mesti dipatuhi sebelum pelajar lazim boleh dianugerahkan Ijazah.

FORMAT PENULISAN DI DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 1) **Contoh Sijil dan Transkrip Akademik bagi Penganugerahan Sijil Secara Anumerta dan Aegrotat (Bahasa Malaysia)**

Bahawasanya SENAT mengesahkan

NAMA

setelah mengikuti program pengajian dan
lulus peperiksaan serta memenuhi
segala syarat program yang ditetapkan oleh Universiti
dengan ini dianugerahkan Ijazah

Sarjana Muda.....

ANUMERTA/ AEGROTAT

**TELAH MEMENUHI SEMUA SYARAT UNTUK DIANUGERAHKAN
IJAZAH SARJANA MUDA
ANUMERTA/ AEGROTAT
DISAHKAN OLEH SENAT PADA.....**

.....
**Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan
(Tarikh)**

2) Contoh Sijil dan Transkrip Akademik bagi Penganugerahan Sijil Secara Anumerta dan *Aegrotat* (Bahasa Inggeris)

By the authority of the Senate, it is hereby certified that

NAME


having completed the approved programme of study and
passed all the examinations and
fulfilled all conditions prescribed by the University
has been awarded the degree of

Bachelor of


POSTHUMOUS/ AEGROTAT


**HAVING FULFILLED ALL CONDITIONS TO BE AWARDED THE DEGREE OF
BACHELLOR OF.....
POSTHUMOUS/ AEGROTAT
CONFIRMED BY THE SENATE ON.....**

.....
**Register
Universiti Malaysia Kelantan
(Date)**

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK	Halaman: 1 / 2
	UNIT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN	No. Semakan: 01
	UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP 01	
	ARAHAN KERJA PENGANUGERAHAN IJAZAH SECARA ANUMERTA DAN AEGROTAT	No. Isu: 01
		Tarikh Kkuatkuasa:

Bil.	Arahan Kerja	Dokumen Sokongan /Borang	Susur Masa	Tanggungjawab
1.	Mula			
2.	Pusat Akademik membuat semakan kelayakan terhadap calon penerima anugerah Ijazah secara anumerta atau <i>aegrotat</i> .	1. Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta	1 Minggu	Pusat Akademik
3.	Pusat Akademik menyediakan kertas kerja cadangan calon layak menerima penganugerahan Ijazah secara anumerta atau <i>aegrotat</i> kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan untuk diperakukan.	2. Sijil kematian 3. Surat pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan.	1 Hari	Pusat Akademik, JKTS Peperiksaan
4.	Pusat Akademik menyediakan kertas kerja cadangan calon layak menerima penganugerahan Ijazah secara anumerta atau <i>aegrotat</i> kepada Mesyuarat Senat UMK untuk kelulusan.	4. Lain-lain bukti	1 Hari	Pusat Akademik, Senat UMK
5.	Pusat Akademik akan memaklumkan kepada pelajar/ warisnya tentang penawaran penganugerahan.		1 Hari	Pusat Akademik
6.	Penganugerahan dilaksanakan mengikut persetujuan bersama.		1 Hari	Pusat Akademik
7.	Tamat			

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK UNIT PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN UMK/TNCA/SPKA/BPA/SOP 01	Halaman: 2 / 2
		No. Semakan: 01
	ARAHAN KERJA PENGANUGERAHAN IJAZAH SECARA ANUMERTA DAN AEGROTAT	No. Isu: 01
		Tarikh Kkuatkuasa:

Carta Alir	Dokumen Sokongan/ Borang	Susur Masa	Tanggungjawab
 <pre> graph TD 1([1. Mula]) --> 2[2. Semak] 2 --> 3[3. Peraku] 3 --> 4[4. Kelulusan] 4 --> 5[5. Makluman] 5 --> 6[6. Penganugerahan] 6 --> 7([7. Tamat]) </pre>	Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta dan Aegrotat, Sijil Kematian atau Surat pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan dan lain-lain bukti	1 Minggu 1 Hari 1 Hari 1 Hari 1 Hari	Pusat Akademik Pusat Akademik, Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan Pusat Akademik, Senat UMK Pusat Akademik Pusat Akademik

NOMBOR SIRI SIJIL ANUGERAH ANUMERTA DAN AEGROTAT

- 1 Cadangan struktur nombor siri sijil dan transkrip akademik bagi Anumerta dan *Aegrotat* adalah seperti Jadual 2 berikut (dari minit bebas TNCA 23 Ogos 2017):

Jadual 2

	Tahun Konvokesyen	TAHAP PENGAJIAN		NOMBOR GILIRAN
P (Untuk Anumerta/ Posthumous)	2016	Sarjana Muda	06	00001
		Sarjana	07	
A (Untuk Aegrotat)		Doktor Falsafah	08	

- 2 Contoh penulisan cadangan nombor siri sijil akademik dan transkrip adalah seperti berikut:

P20160600001

A20160600001

- 3 Nombor giliran yang digunakan adalah bersambung dari nombor giliran Anumerta dan Aegrotat tahun lalu.